

Kaji semula syarat pelajar OKU sertai program TVET

Isu kuota kerja golongan istimewa dalam kerajaan turut dibawa ke Kabinet

Oleh Mohamed Farid Noh dan Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Kerajaan akan mempertimbangkan semula syarat kemasukan pelajar kategori orang kurang upaya (OKU) dalam program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata langkah itu bagi memudahkan kemasukan golongan OKU ke program TVET bersesuaian dengan keupayaan mereka.

Katanya, perkara itu juga akan dimaklumkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara.

“Pertama ia akan membabitkan semua kementerian dan agensi. Saya akan bawa (perkara ini) kepada Jemaah Menteri, maaf saya tidak maklum mengenai perkara ini.

“Ia adalah untuk memastikan semua agensi kerajaan dan kementerian memastikan pengambilan golongan OKU ke program TVET.

“Majlis TVET dipengerusikan



Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Anwar di Istana Bukit Pelangi, Johor Bahru, semalam.

(Foto Johor Royal Press Office)

Ahmad Zahid. Saya akan beritahu dia walaupun ada kelengkapan untuk OKU, tetapi janganlah kenakan syarat seperti dua tangan. Syaratnya ialah mesti yang ada keupayaan.

“Insya-Allah ini boleh, kita beri ruang (melihat semula syarat TVET bagi pelajar OKU) dan saya rasa tiada masalah,” katanya menjawab soalan Alumni Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Ruzimi Mohamed dalam sesi soal jawab pada program Temu Anwar Johor Bahru di UTM, di sini, semalam.

Dr Ruzimi dalam soalnya memaklumkan kekangan dihadapi pelajar OKU dalam permohonan program TVET yang meminta syarat perlu kedua-dua tangan, sedangkan ada OKU yang boleh melukis dan menulis meng-

gunakan kaki dan mulut.

Beliau mengakui ada program TVET yang tidak sesuai dengan pelajar OKU dan perlu ada mekanisme baharu untuk melihat syarat kemasukan pelajar OKU mengikut keupayaan mereka.

Isu Kad Siswa Rahmah

Anwar yang juga Menteri Kewangan memaklumkan persetujuan dan akan membawa isu kuota pekerjaan satu peratus golongan OKU dalam kementerian dan agensi kerajaan ke dalam mesyuarat Jemaah Menteri.

“Saya setuju dan akan bawa (isu kuota pengambilan pekerja OKU) dalam mesyuarat Jemaah Menteri.

“Ia bagi memastikan semua agensi kerajaan dan kementerian melaksanakan pengambilan pe-

kerja OKU mengikut kuota satu peratus,” katanya.

Sementara itu, mengulas cadangan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub mengenai Kad Siswa Rahmah sebelum ini, Perdana Menteri berkata, perkara itu juga akan dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri.

Terdahulu, Anwar menghadap Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, di Istana Bukit Pelangi di sini dan pertemuan itu berlangsung kira-kira sejam.

Yang hadir sama ke pertemuan itu adalah Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim; Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Dr Azmi Rohani.